

KONSEP TABARRUJ MENURUT PERSPEKTIF ISLAM DAN KEPENTINGANNYA DALAM KEHIDUPAN WANITA

Bushrah Basiron
Mohd Ismail Mustari
Kamarui Azmi Jasmi
Sharifah Norlaili Shikh Sudin

Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan social, Universiti Teknologi Malaysia

Suggested Citation:

Basiron, B., Mustari, M. I., Jasmi, K. A. Shikh Sudin, S. N. (2005). Konsep Tabarruj Menurut Perspektif Islam dan Kepentingannya dalam Kehidupan Wanita in *International Seminar on Muslim Women: Future & Challenges in Shaping The Ummah* at Sofitel Palm Resort, Senai Johor on 02-03 April 2005, pp 1-10.

Abstrak

Wanita dilahirkan dengan fitrah yang menyukai keindahan dan kecantikan. Kecenderungan wanita untuk berhias dan sentiasa dipandang cantik serta menarik menuntut mereka memahami dan menghayati batas-batas keharusan dan larangan bertabarruj dalam Islam. Sesuai dengan era modenisasi kini, cabaran terhadap wanita makin ketara dengan kemajuan dunia fesyen, kosmetik, barangan kecantikan dan sebagainya yang sememangnya menjadi tarikan wanita. Kegagalan memahami konsep tabarruj yang sebenar menurut Islam mempunyai pelbagai implikasi negatif yang menjurus ke arah masalah dekadensi moral di kalangan masyarakat. Kertas kerja ini menfokuskan tentang konsep bertabarruj menurut perspektif Islam dan faktor-faktor yang mendorong wanita membudayakan konsep bertabarruj yang dicela dan berientangan dengan kehendak agama Islam. Tanpa memahami dan menghayatinya, kita tidak mampu merealisasikan impian untuk melahirkan wanita-wanita mukminah yang solehah sebagai benteng mendepani cabaran arus kemodernan di akhir zaman.

KONSEP TABARRUJ MENURUT PERSPEKTIF ISLAM DAN KEPENTINGANNYA DALAM KEHIDUPAN WANITA*

Bushrah Basiron

Mohd Ismail Mustari

Kamarui Azmi Jasmi

Sharifah Norlaili Shikh Sudin

Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak

Wanita dilahirkan dengan fitrah yang menyukai keindahan dan kecantikan. Kecenderungan wanita untuk berhias dan sentiasa dipandang cantik serta menarik menuntut mereka memahami dan menghayati batas-batas keharusan dan larangan bertabarruj dalam Islam. Sesuai dengan era modenisasi kini, cabaran terhadap wanita makin ketara dengan kemajuan dunia fesyen, kosmetik, barangan kecantikan dan sebagainya yang sememangnya menjadi tarikan wanita. Kegagalan memahami konsep tabarruj yang sebenar menurut Islam mempunyai pelbagai implikasi negatif yang menjurus ke arah masalah dekadensi moral di kalangan masyarakat. Kertas kerja ini menfokuskan tentang konsep bertabarruj menurut perspektif Islam dan faktor-faktor yang mendorong wanita membudayakan konsep bertabarruj yang dicela dan berientangan dengan kehendak agama Islam. Tanpa memahami dan menghayatinya, kita tidak mampu merealisasikan impian untuk melahirkan wanita-wanita mukminah yang solehah sebagai benteng mendepani cabaran arus kemodenan di akhir zaman.

1.0 PENDAHULUAN

Secara fitrahnya, wanita begitu sinonim dengan kecantikan kerana menggemari dan ingin memiliki segala yang cantik, unik, indah dan menarik. Indah dan menarik adalah berbeza mengikut pandangan individu. Yang pasti, ramai yang sanggup menghabiskan banyak masa dan wang ringgit semata-mata ingin kelihatan cantik atau ingin memiliki sesuatu yang menarik. Dalam zaman moden ini, ramai yang cenderung untuk memilih dan menggunakan teknik-teknik terkini bagi menampung keperluan hidup yang baru. Perkembangan zaman menyebabkan pengaruh kemodenan meresap sedikit demi sedikit ke dalam pelbagai aspek kehidupan mencakupi cara berpakaian khususnya dari aspek keindahan, kehalusan, perhiasan, ketinggian mutu dan corak zahiriahnya (al-Maududi, t.t.: 6). Terdapat pelbagai jenis gaya dan bentuk pakaian serta perhiasan yang diperkenalkan dipasaran

* Kertas kerja ini dibentangkan sempena International Seminar On Muslim Women: The Future and Challenges in Shaping The Ummah bertemakan: Women: The Driving Force in Developing An Excellent Ummah yang dianjurkan oleh Centre for Islamic Studies and Social Development (PPIPS), UTM, Skudai, Johor.

sekarang sama ada dari dalam atau luar negara. Ramai di kalangan remaja dan wanita hanyut dibuai arus fesyen kontemporari. Dalam kehairahan mereka membentuk imej tersendiri yang diminati, ramai yang terlupa tentang batasan yang harus dipatuhi oleh setiap wanita muslimah. '

2.0 DEFINISI KONSEP TABARRUJ

Menurut Kamus Dewan. Konsep bermaksud pengertian atau pendapat yang terbentuk dalam fikiran mengenai sesuatu. gagasan dan gagasan idea (Kamus Dewan Edisi Ketiga, 2002: 702). Tabarruj puia dari segi bahasa berasal dari perkataan *Baraja-yabruju-barjan* yang menghasilkan tiga pengertian; pertama: Bintang. Kedua: Istana, menara dan benteng yang tinggi (Ni'mah Rashid Ridha, Tabarruj, t.t.: 20). Ketiga: Nampak dan tinggi. Dari segi istilah pula, tabarruj bermaksud perbuatan seseorang yang sengaja memperlihatkan sesuatu yang tersembunyi yang dikhususkan kepada pendedahan aurat wanita kepada lelaki yang bukan mahram.

3.0 KONSEP TABARRUJ MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Secara umumnya, Allah Taala mengharuskan perhiasan dan tidak melarang manusia berhias dan menjaga kecantikan. Ini bertepatan dengan ajaran Islam yang menganjurkan agar wanita memakai pakaian yang indah, berhias dengan kemas dan memakai wangi-wangian yang sesuai. Walau bagaimana pun, keharusan ini tertakluk kepada batasan-batasan dan larangan tertentu yang mesti dipatuhi oleh setiap wanita.

Memakai dan menampakkan perhiasan dibolehkan dalam Islam tetapi dihadkan kepada perhiasan yang zahir sahaja serta perhiasan untuk suami. Perhiasan yang menghias tangan boleh dipakai selagi mana biasa dipakai oleh orang ramai. Alat solek untuk kegunaan wajah juga dibolehkan dengan syarat tertentu seperti untuk tatapan suami dan mesti dibersihkan dengan sebaiknya ketika berwudhuk. Ini kerana terdapat sesetengah alat solek yang menegah air sampai kepada anggota yang difardhukan membasuhnya ketika berwudhuk. Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud:

"Perhiasan zahir iaitu muka dan celak kening, inai tapak tangan juga memakai perhiasan-perhiasan harus diperlihatkan di dalam rumahnya dan mereka yang datang ke rumahnya ".

Wanita Islam juga diharuskan memakai emas dan sutera kerana menjaga perasaan kaum wanita dan juga tuntutan kewanitaannya. Ini bersesuaian dengan fitrah wanita yang mempunyai kecenderungan menghias diri. Walau bagaimana pun, kecenderungan tersebut mestilah dipastikan tidak sampai ke tahap menunjuk-nunjuk, bermewah-mewah dan menggoda lelaki (Yusuf al-Qaradhawi, t.t.: 136). Keharusan wanita memakai pakaian sutera dan emas dinyatakan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sabdanya yang bermaksud (Abu Daud dan Ahmad):

Diharamkan pakaian sutera dan emas bagi kaum lelaki dari kaumku dan dihalalkan bagi golongan wanita antara mereka ".

(Abu Daud dan Ahmad):

Selain itu, para ulama' juga berpendapat bahawa orang-orang tua yang rambut dan janggutnya telah beruban putih diharuskan mewarnakan rambutnya tetapi bukan dengan warna hitam kerana warna ini hanya sesuai untuk orang muda. Diriwayatkan dalam satu peristiwa, Abu Bakar r.a. telah membawa bapanya Abu Quhafah berjumpa dengan Rasulullah s.a.w.. Pada ketika itu, rambut bapanya dipenuhi uban kerana terialu tua dan Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang bermaksud:

" Ubahlah ini yakni uban-uban ini dan janganlah dengan warna hitam ".

4.0 LARANGAN TABARRUJ DALAM ISLAM

Kedatangan Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. telah mengangkat martabat wanita dan mengubah corak, bentuk kehidupan dan nilai wanita melebihi wanita dari agama-agama lain. Oleh itu, bentuk, gaya dan corak pakaian turut dibezakan kerana bentuk zahir melambangkan apa yang ada di dalam hati dan jiwa mereka. Antara perkara yang amat ditekankan ialah wanita mukminah tidak boleh menyerupai wanita jahiiyyah dari aspek bentuk pakaian, perhiasan dan gaya wanita jahiiyyah atau yang disebut di dalam al-Quran sebagai "Tabarruj Jahiiyyah". Larangan Allah berkaitan tabarruj bertujuan untuk menjaga tubuh badan wanita dari kejahatan dan menanamkan sifat malu dalam diri wanita di samping menghindarkan lelaki tertipu dengan kecantikan wanita yang bertabarruj. Firman Allah yang bermaksud:

"Dan hendaklah kamu tetap dirumahmu dan janganlah kamu berhias serta bertingkah laku seperti orang-orang jahiiyyah yang dahulu, dan dirikanlah solat, tunaikanlah zakat dan taatilah Allah dan RasulNya. Sesungguhnya Allah bermaksud untuk menghilangkan dosa dari kamu, ahlul Bait dan membersihkan kamu sebersih-bersihnya ".

(Surah al-Ahzab: ayat 33)

Menurut al-Qurtubi, maksud ayat "*hendaklah kamu tetap tinggal di dalam rumah*" tidak hanya ditujukan kepada isteri Nabi s.a.w. sahaja tetapi untuk semua wanita Islam. Manakala maksud ayat "*janganlah kamu berhias sepertimana wanita-wanita jahiiyyah*" ialah tidak keluar rumah dengan berhias dan berpakaian seperti wanita-wanita jahiiyyah atau seperti wanita yang tidak memiliki ilmu dan didikan agama Islam.

Secara umumnya, Islam menghalang budaya tabarruj seperti yang disebut di dalam al-Quran, hadis dan ijma' ulama'. Ini kerana terdapat banyak kesan negatif dan gejaia sosial yang akan timbul dalam masyarakat apabila wanita mengagungkan budaya ini. Bagaimana pun, ini tidak bererti Islam melarang wanita berhias secara

mutlak kerana Islam sendiri merupakan agama yang menekankan kebersihan dan kecantikan zahir dan batin. Oleh itu, wanita yang ingin berhias perlulah menyesuaikan dengan tempat dan keadaan seperti berhias untuk suami yang berada dalam ruang lingkup ibadah dalam Islam.

5.0 BENTUK-BENTUK TABARRUJ YANG DILARANG

Terdapat pelbagai bentuk tabarruj yang dilarang dalam Islam mencakupi tabarruj jahiiyyah dan tabarruj zaman moden antaranya ialah:

5.1 Membuat Tato

Tato ialah membuat tanda pada muka, tangan dan badan manusia. Tato biasanya dilukis menggunakan warna biru dalam bentuk ukiran atau gambar tertentu. Perbuatan sedemikian adalah dilaknat oleh Allah SWT.. Sabda Nabi s.a.w. yang bermaksud:

"Rasulullah s.a.w. telah melaknati orang yang membuat tattoo dan yang meminta dibuat tattoo dan yang mengasah gigi dan yang meminta diasah gigi"
(Muslim)

Menurut Yusof al-Qaradhawi, sebahagian orang Arab khususnya kaum wanita membuat tattoo pada sebahagian besar badan mereka. Begitu juga dengan sebahagian ahli sesuatu kepercayaan atau agama yang meminta dibuat tattoo pada badan mereka berkaitan sembah dan upacara-upacaranya. Sebagai contoh, kaum Nasrani membuat tattoo berupa lambang saib di tangan dan dada mereka (Yusof al-Qaradhawi, 1983: 142).

5.2 Mengasah dan Menjarangkan Gigi

Perbuatan mengasah gigi yang bertujuan untuk menajamkannya dan memendekkannya adalah dilaknat sama ada terhadap wanita yang melakukan perbuatan tersebut (wasyirah) dan juga wanita yang meminta dilakukan perbuatan itu untuknya (mustausyirah). Begitu juga dengan lelaki yang melakukan perbuatan tersebut. Umumnya, perbuatan mengasah gigi semata mata untuk tujuan kecantikan adalah haram kecuali ia dibuat kerana satu keperluan untuk menghilangkan penyakit atau bahaya (Yusof al-Qaradhawi, 1983: 143).

5.3 Berjalan Berlenggang-lenggok dan menghentakkan kaki

Perbuatan berjalan dengan penuh gaya dan berlenggang-lenggok di khalayak ramai dengan tujuan untuk menarik perhatian orang adalah termasuk dalam tabarruj yang dilarang. Menurut Qatadah, wanita jahiiyyah berjalan dengan gaya yang ghairah dan mempersonakan. Cara yang digunakan ialah dengan meletakkan kain selendang di atas kepala tanpa mengikatnya sambil bermain dengan rantai dileher, subang serta perhiasan lain dengan aksi yang menggoda (Rosnani Hassan, 2002:37)." Allah Ta'ala berfirman yang bermaksud:

Dan janganlah mereka memukul yakni menghentakkan kakinya agar diketahui perhiasan yang disembunyikan "

(Surah al-Nur: ayat 31)

Menurut ajaran Islam, wanita Islam mestilah berjalan dan bercakap dengan penuh hormat, sopan, tegas dan mengelak diri dari menunjukkan wajah seperti seorang penggoda.

5.4 Memakai Minyak Wangi

Memakai minyak wangi adalah dilarang bagi wanita Islam kerana boleh mendatangkan fitnah dan pelbagai implikasi negatif. Haruman yang dipakai oleh wanita boleh membuatkan lelaki tergoda dan membangkitkan syahwat mereka. Islam melarang penggunaan wangian di khalayak ramai kerana boleh menarik perhatian sepertimana yang disebut oleh Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

"Mana-mana perempuan yang memakai wangi-wangian kemudian dia keluar dari rumahnya dan melalui sekumpulan orang dan mereka mencium baunya, maka dia adalah umpama seorang pezina "

(Al-Tirmizi dan Abu Daud)

5.5 Mendedahkan Aurat dan Perhiasan

Wanita Islam diharamkan memakai pakaian yang ketat yang menampakkan bentuk badan atau nipis yang menampakkan apa yang ada dibalik pakaian tersebut. Begitu juga dengan pakaian yang mendedahkan sebahagian badan khususnya bahagian-bahagian sulit seperti dada, punggung dan sebagainya kerana boleh menimbulkan fitnah apabila dilihat oleh lelaki (Yusof al-Qaradhawi, 1983: 137). Terdapat hadis sahih daripada Abu Hurairah r.a. katanya, Nabi s.a.w. telah bersabda yang bermaksud:

"Ada dua golongan dari ahli neraka yang aku belum pernah melihat mereka iaitu satu kaum yang membawa cambuk seperti ekor lembu, mereka memukul orang dengannya yakni penguasa yang kejam, dan wanita-wanita yang berpakaian separuh bogel yang menarik orang melakukan maksiat di samping dia sendiri melakukan maksiat, kepalanay meninggi lonjong seperti bonggol unta, mereka ini tidak dapat memasuki syurga, dan tidak dapat mencium bau syurga padahal bau syurga itu dapat dicitum dari jauh perjalanan sekian dan sekian..."

Terdapat ulama' yang menafsirkan hadis ini dengan wanita yang memakai baju nipis atau jarang sehingga terlihat kulit badannya atau wanita yang memakai pakaian yang sempit dan ketat sehingga memperlihatkan bentuk badannya.

5.6 Fesyen Moden dan Terkini

Kebanyakan fesyen yang digemari oleh wanita zaman ini ialah fesyen-fesyen yang dipengaruhi atau ditiru dari barat. Dalam keghairahan mereka membentuk imej tersendiri yang kontemporari dan ranggi, ramai yang terlupa tentang batasan seorang wanita muslimah. Fesyen terkini yang diperkenalkan kebanyakannya terlalu ketat malahan ada yang terlalu singkat. kelihatan seperti membungkus. nipis dan mendedahkan sebahagian besar tubuh badan. Bagaimana pun. mereka yang memilih pakaian begini beralasan bahawa ianya selesa dan memudahkan pergerakan sebagai wanita moden. Terdapat juga wanita yang menggemari fesyen-fesyen yang terlalu menyerlah sama ada dari segi bentuk, warna dan hiasan. Sebagai contoh, ada yang suka menghias pakaian mereka dengan manik-manik yang bersinar dan labuci yang berwarna-warni.

Masih ramai juga yang enggan bertudung atau hanya menutup kepala dengan kain tudung yang kecil yang menampakkan bahagian depan dan ekor rambut. Perbuatan seperti ini dianggap mempersendakan hukum Allah Taala. Begitu juga dengan fesyen selendang dan tudung kepala yang mendedahkan leher dan bahagian dada atau memperlihatkan bentuk tubuh. Selain itu, terdapat juga wanita yang mengamalkan pemakaian yang tidak bertepatan dengan tuntutan menutup aurat dalam Islam. Sebagai contohnya, senario hari ini memperlihatkan golongan yang bertudung kepala tetapi pada masa yang sama memakai skirt berbelah paras betis. Ada juga yang menyesuaikan tudung kepala dengan T-Shirt lengan pendek, seluar jeans dan baju yang ketat dan pelbagai jenis fesyen lagi yang tidak mencerminkan ciri-ciri pakaian sebagai seorang muslimah (Masyitah Mokhtar, 1989: 27).

Selain itu, terdapat juga wanita yang berpakaian menutup aurat atau bertudung pada waktu-waktu tertentu sahaja seperti di sekolah atau di tempat kerja. Ini berlaku kerana mereka hanya melakukan demikian kerana menurut peraturan yang ditetapkan oleh majikan atau pihak-pihak tertentu dan bukan melakukannya atas kehendak sendiri atau dengan keikhlasan kerana Allah SWT. Sebaliknya mereka melakukannya kerana terpaksa atau ikutan semata-mata.

5.7 Pemakaian Alat Solek

Kebanyakan wanita gemar bersolek sama ada bertujuan untuk mendapatkan keyakinan pada diri sendiri atau untuk menambahkan kecantikan yang sedia ada. Di dalam kitab al-Wa'yu Island disebutkan bahawa perhiasan atau alat kecantikan adalah harus digunakan dengan syarat tidak berunsur penipuan bagi wanita yang belum bersuami, tidak juga bertujuan memperlihatkan kecantikan kepada lelaki ajnabi serta berlebih-lebihan dalam pemakaian alat solek tersebut. Bagi wanita yang telah bersuami, jika suami menghendaknya bersolek untuk dirinya, hukumnya adalah wajib dan begitulah sebaliknya (Jaafar Salleh, 1995: 186).

5.8 Bertindik

Budaya bertindik pada asalnya merupakan amalan penganut agama Hindu. Namun budaya ini kian menuai di kalangan remaja di Malaysia dengan cara bertindik pada hidung, telinga, pusat, lidah, bahagian atas kening, dagu, bahagian bawah bibir dan sebagainya. Perlakuan seperti ini jelas menyalahi ajaran agama kerana berlebih-lebihan dan dicela seperti sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:¹⁷

"Binasalah orang yang berlebih-lebihan". Baginda mengucapkannya sehingga tiga kali.

(Muslim)

5.9 Mewarnakan Rambut

Terdapat ramai di kalangan wanita yang terpengaruh dengan gaya orang barat dan gemar mewarnakan rambut walaupun tiada sebarang alasan kukuh untuk berbuat demikian selain untuk kecantikan semata-mata. Dalam hal ini, Islam secara jelas melarang umatnya meniru dan menyerupai budaya dan cara hidup orang kafir. Malahan meniru budaya asing secara membuta tuli tanpa memikirkan implikasinya merupakan amalan yang salah dan bukti pengagungan mereka terhadap bangsa yang dicontohi. Rasuliulah s.a.w. telah bersabda yang bermaksud:

"Sesiapa yang menyerupai sesuatu kaum, maka samalah dia dengan kumpulan mereka".

Umumnya, mewarnakan rambut dengan inai atau bahan yang halal tidak dilarang dalam Islam kecuali jika bahan berkenaan menghalang air sampai kepada rambut. Jika warna yang digunakan boleh menimbulkan keaiban seperti mewarnakannya dengan warna merah, kuning, jingga, biru dan sebagainya, penggunaannya adalah menyimpang jauh dari maksud sebenar keharusan mewarna rambut dalam Islam.

6.0 FAKTOR DAN PENYELESAIANNYA

Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi kecenderungan wanita berhias dan bersolek berlebih-lebihan sehingga ada yang sampai ke tahap yang lebih teruk dari zaman jahiliyyah. Di sini dinyatakan faktor-faktor tersebut dan penyelesaiannya:

6.1 Keimanan Yang Semakin Terhakis

Kita tidak dapat menafikan bahawa kelemahan iman terhadap Allah dan RasulNya serta kegagalan memahami ajaran Islam yang sebenar menjadikan wanita menyimpang dari konsep berhias dan bertabarruj yang dibenarkan dalam Islam. Mereka juga ternyata gagal melawan emosi, keinginan dan naluri yang terlalu mendambakan keindahan dan kecantikan di luar kewajaran. Sebagai contohnya, keinginan atau kecenderungan berhias habis-habisan ketika ingin keluar rumah atau pergi bekerja sedangkan konsep sebenar yang perlu dipraktikkan ialah bersolek dan berhias ketika di rumah khususnya untuk suami seorang. Jika iman seseorang individu lemah, dia akan melihat sesuatu yang buruk sebagai baik dan sesuatu yang baik sebagai buruk. Selain itu, segala yang mungkar Haginya adalah ma'ruf dan begitulah sebaliknya (Abdullah bin Jarullah, 1996: 95), Allah SWT. berfirman yang bermaksud:

"Dan tidaklah patut bagi lelaki yang mukmin dan tidak pula bagi wanita yang mukmin apabila Allah dan RasulNya telah menetapkan suatu ketetapan akan ada bagi mereka pilihan yang lain tentang urusan mereka. Dan barangsiapa

yang menderhakai Allah dan RasulNya maka sesungguhnya dia telah sesat dengan kesesatan yang nyata ".

(Surah al-Ahzab, :35)

Penyelesaian bagi masalah ini ialah dengan kembali mendalami hukum-hakam agama secara teori dan mengamalkannya secara praktikal. Wanita seharusnya bersikap terbuka menerima peraturan dan batasan yang ditetapkan dalam agama walaupun ternyata bertentangan dengan keinginan hati nurani. Ini kerana setiap yang ditentukan oleh Allah mempunyai hikmah yang tersendiri terutama berobjektifkan keselamatan dan kesejahteraan mereka. Pemahaman tentang aspek kerohanian dan keimanan amat penting kerana ia menjadi tunggak pengetahuan dan kepercayaan seseorang Muslim. Al-Quran telah menerangkan tentang kepentingan iman yang merupakan unsur kekuatan yang i,'tama dalam jiwa setiap mukmin.

Wanita juga perlu melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti kerohanian ke arah mendekatkan diri kepada Allah SWT. Hanya iman yang benar, teguh dan bertapak teguh di hati akan memberi kesan kepada perbuatan dan pergerakan anggota badan. Hati yang disinari iman akan sentiasa gemar melakukan perintah Allah dan menjauhi laranganNya. Di sinilah akan timbul keyakinan bahawa segala yang telah ditetapkan atau diperintahkan oleh Allah adalah wajib ditaati serta keinsafan bahawa di sebalik larangan Allah SWT. pasti tersirat hikmat untuk sekalian hambaNya.

6.2 Didikan dan Asuhan

Didikan dan asuhan yang diterima oleh individu sememangnya memberi kesan yang mendalam ke arah menentukan sikap, persepsi dan halatuju kehidupan wanita. Jika telah biasa diasuh dari kecil supaya berpakaian sopan, pastinya apabila dewasa, remaja dan wanita tidak cenderung memakai pakaian yang mendedahkan aurat. Begitu juga jika tidak diberi pendedahan awal dan penekanan tentang pentingnya memelihara batas-batas dalam berhias dan bergaul, pastinya ramai yang terlibat dalam amalan yang mendatangkan dosa dan kemaksiatan. Rasulullah s.a.w. telah mengingatkan dalam sabdanya yang bermaksud:

"Dosa yang paling besar akan menimpa ibu bapa di akhirat nanti ialah dosa membiarkan anak-anak mereka jahil dan buta agama".

Penyelesaian bagi masalah ini ialah ibu bapa mestilah memainkan peranan mereka sebagai pendidik utama bagi anak-anak. Mereka bertanggungjawab memberi didikan agama kepada anak-anak supaya menjadi anak yang soleh dan dapat memberi manfaat kepada mereka di dunia dan akhirat. Mereka tidak terlepas dari tanggungjawab keagamaan ini walaupun telah memberi pendidikan atau pelajaran akademik hingga ke peringkat tertinggi atau Ph.D kepada anak-anak (Md. Hashim Haji Yahaya, 1989: 33).

Dengan memberikan didikan agama yang cukup di rumah dan di sekolah, pengajaran al-Quran dan adab sopan dalam Islam, anak-anak atau wanita khususnya

mendapat satu bekalan dan kekuatan asas untuk menghadapi cabaran hidup terutamanya berkaitan gejala-gejala yang meruntuhkan akhlak dan moral pelakunya.

6.3 Pengaruh Teman dan Rakan

Teman rapat dan rakan-rakan juga mempunyai pengaruh yang tersendiri dalam kehidupan seseorang. Apabila teman rapat gemar berhias dan asyik bercerita soal kecantikan, pastinya sedikit sebanyak wanita akan terpengaruh apatah lagi dengan kemunculan limpahan jenama kosmetik dan fesyen pakaian di pasaran. Tanpa kecekalan hati, pasti ramai wanita yang terikut dengan keinginan untuk mencuba kerana kecantikan begitu sinonim dengan diri seseorang wanita. Kesilapan memilih kawan hanya akan memberikan implikasi negatif dan menyebabkan seseorang wanita terperangkan dalam dosa yang berpanjangan.

Penyelesaiannya, setiap wanita mestilah membina prinsip dan ketahanan diri yang tinggi dalam pergaulan seharian. Tujuan mereka bergaul dengan rakan-rakan hendaklah terarah untuk mengajak melakukan kebaikan dan menjauhi kemungkaran. Jika ada yang cuba mempengaruhi ke arah mengamalkan sesuatu yang terlarang seperti berpakaian tidak menutup aurat, berhias dan mengenakan fesyen yang menjolok mata, setiap wanita berperanan membetulkan sikap dan minda rakan-rakan yang diresapi keseronokan yang palsu dan sementara. Dalam hal ini, perkara yang paling utama ialah memastikan mereka sentiasa berhati-hati memilih kawan yang selayaknya dijadikan teman.

6.4 Pengaruh Media

Media dan alat komunikasi sangat besar pengaruhnya dalam kehidupan masyarakat terutamanya bagi golongan yang tidak mempunyai pegangan hidup yang kuat dan stabil. Penggunaannya meliputi urusan untuk melaporkan berita, menyampaikan maklumat, menghebahkan dan memperluaskan propaganda, mendidik, menghibur serta mengubah masyarakat (Mohd. Kamal Hassan, 1988: 8).

Media cetak dan elektronik merupakan medan perjuangan yang sangat menguntungkan musuh-musuh akidah, syariah dan akhlak umat Islam. Pelbagai budaya yang merosakkan ditonjolkan dengan meluas beserta hiburan-hiburan murahan dan bertonggalkan hawa nafsu yang dilengkapi dengan *trend* yang dianggap *up to date* menjadi agenda utama penyiaran terutama di barat. Golongan masyarakat termasuk wanita mendapat pendedahan yang negatif melalui penyiaran program-program yang membelakangkan persoalan moral dan etika. Paling terkini, terdapat ramai artis dan selebriti yang mendedahkan rahsia kecantikan masing-masing dengan menggunakan pelbagai kaedah moden di akhbar, majalah dan televisyen. Selain pembedahan plastik, penggunaan Botox dan suntikan vitamin C mengukuhkan dakwaan mereka bahawa penuaan boleh dihalang atau dikurangkan. Dengan status sebagai *public figure* pasti ramai wanita yang terpukau dan terpedaya dengan kehairahan untuk menjadi lebih cantik daripada biasa. Apa yang membimbangkan ialah wujudnya sikap dan kecenderungan untuk mengubah kejadian Tuhan semata-mata untuk kelihatan cantik dan menawan. Umumnya, agama Islam memang menggalakkan umatnya memelihara kecantikan dan kebersihan tetapi tidaklah sampai ke tahap tidak bersyukur dan berusaha mengubah

kejadian Tuhan yang juga memperlihatkan sikap tidak redha dengan ketetapan dan ketentuannya.

Penyelesaian untuk masalah ini berkait rapat dengan kesedaran dan keinsafan semua golongan masyarakat termasuk pihak yang menguasai media agar tidak mempamirkan atau mengetengahkan elemen-elemen negatif demi mengelakkan berlakunya keruntuhan moral dalam masyarakat. Wanita khususnya mestilah berusaha menjauhi unsur-unsur yang boleh merosakkan diri dan masyarakat. Keghairahan memiliki kecantikan yang keterlaluan adalah simbol kejahilan wanita memahami hukum-hakam agama dan bukanlah Iambang kehebatan mereka kerana bersikap terbuka mengikuti perkembangan zaman.

7.0 KESIMPULAN

Keindahan dan kesempurnaan agama Islam terserlah melalui segala peraturan, batasan dan hukum-hakam yang disediakan untuk semua penganutnya. Bagi wanita muslimah, mereka perlu mengkaji, memahami dan menghayati konsep tabarruj yang dibenarkan dalam Islam sepertimana mereka perlu berusaha menghindari amalan tabarruj dalam perkara-perkara yang dilarang agama. Walaupun terdapat usaha dari pihak tertentu untuk memberi kesedaran tentang bahayanya mengamalkan tabarruj yang dilarang, namun kesedaran dan keinsafan yang sebenar hanya diperolehi oleh seseorang wanita jika dia sendiri berjaya mengawal dan mengekang nafsu dan naluri kewanitaannya untuk berhias di luar batasan. Keredhaan Illahi yang menjadi matlamat kita tidak ternilai jika dibandingkan dengan pengorbanan yang sedikit ketika menghadapi ujian dan cabaran duniawi khususnya berkaitan konsep tabarruj dalam kehidupan di akhir zaman.

BIBLIOGRAFI

- Abdullah bin Jarullah, 1996, *Hak dan Kewajipan Wanita Islam*, Kuala Lumpur, Dewan Pustaka Fajar
- Abu al-A'la Maududi, (t.t.), *Sikap Islam Terhadap Pakaian*, Kuala Lumpur, Penerbitan Mizan
- Al-Quran: *Tafsir Pimpinan al-Rahman*, 1995, Kuala Lumpur, Jabatan Perdana Menteri
- Jaafar Salleh, 1995. *Wanita Pembina Generasi Baru (Siri 1)*, Kuala Lumpur, Melindo Publications
- Kamus Dewan Edisi Ketiga*, 2002, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka
- Masyitah Mokhtar, 1989, *Wanita: Masalah dan Penyelesaian*, Kuala Lumpur, Karya Media Publisher
- Md. Hashim bin Haji Yahaya, 1989, *Tanggungjawab Ibu bapa dan anak Menurut Islam*, Kuala Lumpur, Dewan Pustaka Fajar
- Mohd. Kamal Hassan, 1988, *Media Massa Sebagai Pendorong Kesedaran Ummah*, Majlis Dialog Program Penerapan Nilai-nilai Islam Universiti Islam Antarabangsa
- Ni'mah Rasyid Ridha, 1991, *Tabarruj*, Kuala Lumpur, Pustaka al-Qautsar
- Rosnani Hasan, Jun 2002, *Majalah Muslimah*, Kuala Lumpur, Syarikat al-Muslimah
- Yusof Qardhawi, 1983, *Halal dan Haram Dalam Islam*, Kuala Lumpur, Pustaka Islamiyyah PTE. LTD.